

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Persoalan mengenai hukum *talfiq* (mengamalkan pendapat pelbagai mazhab dan tidak terikat dengan satu mazhab sahaja) tidak pernah dikenali di zaman Rasulullah S.A.W., malah tidak juga di zaman para sahabat, para *tābi'iñ*, *tābi' tābi'iñ* dan juga zaman imam-imam mujtahid. Ia hanya timbul pada kurun kesepuluh Hijrah sewaktu gejala taksub kepada mazhab amat ketara di kalangan kaum muslimin sehingga kebanyakan ulama pada waktu itu mensyaratkan bagi sesiapa yang ingin beramal dengan pendapat mazhab selain daripada mazhabnya agar tidak melakukan *talfiq*¹.

1.2. Latar belakang masalah kajian

Fenomena *talfiq* merupakan satu stigma kepada masyarakat Islam di Malaysia khususnya dari dahulu sehingga kini. Ianya dirasakan sesuatu yang amat bersalah dengan syariah dan sama sekali tidak boleh dilakukan. Mentaliti ini, walau bagaimanapun, telah cuba dicabari dengan seruan ke arah meninggalkan *taqlid*, kebebasan bermazhab, ijtihad moden dan pelbagai lagi. Seruan-seruan ini mempunyai asas tersendiri, iaitu perubahan kehidupan manusia yang semakin bertambah maju dan mencabar. Keterikatan dengan satu mazhab dalam segala perkara kadangkala menyebabkan kesempitan dalam kehidupan muslim dan menyebabkan hukum Islam kadangkala dilihat sebagai tidak lagi relevan di zaman ini.

¹ Al-Zuhayli, Wahbah Muhammad (1986M), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āşir, j. 2, h. 1142.

Di atas dasar inilah, kajian ini menjurus kepada pengkajian tentang hukum melakukan “*talfiq*” dari kacamata Islam melalui pendapat ulama-ulama terdahulu dan kontemporari.

1.3. Kepentingan kajian

Muamalat merupakan ruang kehidupan yang tidak bertepi dan maju seiring kemajuan hidup manusia. Ianya berubah bersama perubahan zaman dan tempat selaras dengan keperluan hidup manusia itu sendiri. Perubahan-perubahan tersebut adakalanya membawa kepada permasalahan-permasalahan baru serta memerlukan penyelesaian-penyelesaian baru menurut acuan hukum Islam. Ini selaras dengan misi Islam sebagai cara hidup yang lengkap dari Maha Pencipta. Justeru penulis merasakan perlunya kepada satu kajian mengenai *talfiq* di dalam bidang muamalat kerana prinsip berpegang hanya dengan satu mazhab tidak akan dapat memberikan penyelesaian kepada permasalahan-permasalahan yang timbul.

Demi memastikan kajian ini berpijak di alam yang nyata penulis telah memilih instrumen “*bay’ al-murābahah li al-āmir bi al-syirā*” di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai bahan kajian lapangan. Kajian ini diharap dapat menjadi satu panduan bagi pengamal, pengusaha sistem muamalat Islam moden dan juga kaum muslimin di

Malaysia untuk berhadapan dengan kehidupan di zaman moden yang semakin mencabar kini.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah untuk:

- a) Menghasilkan satu kajian yang terperinci terhadap pengertian *talfīq* yang menjadi permasalahan di kalangan sesetengah golongan umat Islam sehingga kini.
- b) Mengkaji beberapa istilah yang berkaitan dengan *talfīq* seperti *taglīd*, *ittibā'*, *tarjīḥ*, *tatabbu'* *rukhaṣ* dan *takhayyur*.
- c) Mengkaji ruang lingkup *talfīq* dan faktor-faktor yang mendorong kemunculan isu *talfīq*.
- d) Membincangkan hukum *talfīq* secara umum di dalam Islam dan di dalam bidang muamalat secara khusus.
- e) Mengkaji instrumen *bay' al-murābahah* yang beroperasi di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

f) Mengupas isu-isu *talfiq* yang terdapat di dalam pengoperasian *bay' al-murābahah* di BIMB.

1.5. Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pengupasan konsep *talfiq* dengan mengambilkira kaitannya dengan beberapa istilah yang penting seperti *taqlid*, *ittibā'*, *tarjih*, *tattabu'* *al-rukhas*, dan *takhayyur*. Penulis juga turut memuatkan sejarah kemunculan , faktor-faktor yang mendorong kemunculan fenomena *talfiq* dan ruang lingkup *talfiq*; dengan harapan ianya dapat membantu pemahaman yang lebih jelas mengenai konsep *talfiq*.

Kajian ini juga turut memfokuskan kepada pandangan ulama terhadap hukum *talfiq* di dalam Islam secara umum dan di dalam bidang muamalat secara khusus. Oleh yang demikian, penulis cuba untuk melihat sejauhmana terdapat pengaplikasian konsep *talfiq* di dalam salah satu transaksi yang dijalankan di BIMB iaitu *bay' al-murābahah li al-āmir bi al-syirā'*.

1.6. Metodologi kajian

Kajian yang bakal dijalankan oleh penulis merangkumi kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Untuk memastikan kajian ini berjalan lancar penulis telah memilih tiga metod bagi menyiapkan disertasi ini.

1.6.1. Metod Penentuan Subjek(Kaedah Persampelan)

1.6.2. Metod Pengumpulan Data

1.6.3. Metod Analisis Data

1.6.1. Metod Penentuan Subjek(Kaedah Persampelan)

Pada asasnya kaedah ini membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar yang dikenali sebagai populasi². Berasaskan kepada metod ini penulis telah memilih satu instrumen muamalat yang dipraktikkan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai sampel kajian untuk menilai unsur-unsur *talfiq* yang terdapat di dalamnya.

² Syed Arabi Idid (1993M), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.45.

1.6.2 Metod Pengumpulan data

Dalam mengumpul data-data yang diperlukan , penulis telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data bagi memudahkan proses iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan dan kaedah penyelidikan lapangan.

a) Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini digunakan untuk memperolehi data-data dan maklumat-maklumat dari bahan-bahan terbitan utama seperti buku-buku , majalah-majalah, akhbar dan lain-lain. Antaranya:

i) Buku-buku

Sumber ini amatlah penting bagi penyelidik untuk memahami persoalan-persoalan mengenai definisi dan konsep, termasuklah definisi *talfiq* dan istilah-istilah lain yang berkaitan dengannya. Ianya juga penting untuk melihat perbincangan ulama-ulama terdahulu mengenai konsep *talfiq* dan permasalahannya. Sumber ini banyak digunakan dalam bab dua dan tiga. Penulis beriltizam dengan merujuk kepada sumber asli kepada maklumat yang diambil, dan tidak sekadar merujuk kepada sumber sekunder terhadap sesuatu maklumat demi menjaga amanah ilmu. Begitu juga dalam mengemukakan hadis-hadis Nabi S.A.W., penulis sentiasa merujuk kepada sumber asalnya dengan

menggunakan kaedah *takhrīj* hadis dan juga menyentuh tentang kritikan terhadap hadis-hadis tersebut jika diperlukan.

ii) Laporan dan risalah

Sumber ini diperlukan terutamanya di dalam menganalisis aktiviti-aktiviti BIMB. Ia mencakupi perkembangan BIMB, pencapaiannya dan seumpamanya.

iii) Dokumen-dokumen dan Jurnal

Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan BIMB dan juga jurnal-jurnal kajian mengenai BIMB, produk-produknya dan juga *tafsīq*.

iv) Borang-borang dan surat perjanjian yang berkaitan dengan produk berdasarkan *bay'* *al-murābahah* .

Antara perpustakaan-perpustakaan tumpuan penulis ialah:

- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- Perpustakaan Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya.

b) Penyelidikan lapangan

Dalam proses menyiapkan kajian lapangan penulis telah menggunakan kaedah-kaedah ini:

i) Metod historis

Metod historis adalah satu proses untuk menentukan adanya pendapat-pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian atau peristiwa. Metod ini digunakan untuk mengumpul data tentang perkembangan penubuhan BIMB. Selain daripada itu penulis juga menggunakan kaedah ini semasa mengkaji sejarah kemunculan fenomena *talfiq* serta faktor-faktor yang mendorong kemunculannya.

ii) Metod wawancara dan temubual

Di dalam penulisan kajian ini, penulis telah melakukan temubual dengan beberapa individu yang terdiri daripada panel syariah di BIMB dan juga bahagian perbilan yang terlibat secara langsung dengan pengoperasian instrumen yang menjadi bahan kajian. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan BIMB itu sendiri dan juga prinsip serta amalan *bay' al-murābahah* di BIMB. Kaedah ini

juga digunakan untuk mendapatkan pandangan yang lebih terperinci terhadap instrumen kajian dan juga segala prosedur yang berkaitan dengannya.

iii) Metod observasi

Melalui metod ini penulis memerhatikan bentuk-bentuk muamalat yang diamalkan di BIMB.

1.6.3 Metod Analisis data

Untuk menganalisis data yang telah diperolehi, penulis telah menggunakan beberapa kaedah berikut:

Pertama : Metod deduktif

Kaedah ini merupakan satu cara menganalisis data dan maklumat yang umum terhadap perkara-perkara yang khusus. Dengan cara ini penulis cuba mendapatkan teori umum *fiqh* mengenai hukum *talfiq* secara umum dan kemudian mengkhususkannya kepada pengaplikasianya di dalam bidang muamalat dan kemudiannya di dalam *bay' al-murābahah* yang dipraktikkan di BIMB.

Kedua : Metod induktif

Kaedah ini merupakan satu cara menganalisis data dan maklumat yang bersifat khusus untuk mendapatkan kesimpulan yang bersifat umum. Melalui kaedah ini penulis telah mengumpul data-data yang berkaitan, melihat keseluruhan data tersebut dan menyesuaikannya dengan konsep dan teori umum yang telah digariskan. Contohnya penulis telah mendapatkan unsur-unsur *talfiq* di dalam *bay' al-murābahah li al-āmir bi al-syirā'* dan menyesuaikannya dengan konsep dan teori umum *talfiq*.

1.7 Ulasan Kajian Terdahulu

a)Kajian mengenai *Talfiq*

Memandangkan persoalan *talfiq* merupakan satu fenomena lama yang diberikan nama baru dan dijadikan satu bab tersendiri dengan perbincangan yang tersendiri, ianya tidak terdapat dalam perbincangan kitab-kitab terdahulu. Ulama-ulama *uṣūl al-fiqh* silam lebih membincangkan tajuk hukum beriltizam dengan satu mazhab, hukum beramal dengan fatwa pelbagai mufti, *tattabu' rukhaṣ* dan yang seumpama dengannya dalam bahagian ijtihad dalam bab *fatwā* dan *mustaftī*. Antara buku-buku terdahulu yang banyak memperbincangkan perkara-perkara tersebut ialah kitab “*al-Bahr al-Muhiṭ*” karangan al-

:

Zarkasyī, “*al-Muwāfaqāt*” karangan al-Syātibī, “*Hāsyiyat al-‘Attār*”, beberapa karya Ibn Taymiyyah yang dihimpunkan dalam “*Majmū’ Fatāwā*” mengenai masalah mazhab, “*Jam’ al-Jawāmi’*” karangan al-Subkī dan juga kitab-kitab yang menghuraikannya, kitab “*al-Tahrīr*” karangan Ibn al-Hummām yang bermazhab Ḥanafī, “*I’lām al-Muwāqi’īn*” oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dan juga banyak lagi kitab-kitab lain. Adapun buku yang khusus memperbincangkan persoalan tersebut di kalangan ulama terdahulu belum ditemui lagi.

Penulisan yang membicarakan tentang *talfīq* secara intensif bermula selepas kurun ke tiga belas hijrah. Kitab pertama yang memperbincangkan tajuk *talfīq* secara komprehensif dan membawa tajuk tersebut sebagai tajuk persoalan utamanya ialah kitab “*Umdah al-Tahqīq fī Ḥukm al-Taqlīd wa al-Talfīq*” oleh Muḥammad Sa’id al-Bānī, seorang ulama di Syam lewat pemerintahan ‘Uthmāniyyah pada kurun ke-20 Masehi. Buku ini telah menjadi rujukan utama oleh para pengkaji tajuk *talfīq* dan juga tajuk-tajuk lain yang berkaitan dengannya. Beliau lebih banyak membawa kepada pendapat yang mengharuskan *talfīq* dan membawa hujah-hujah yang menjustifikasikannya.

Antara risalah pula, risalah “*Khulāṣah al- Tahqīq fī Aḥkām al-Talfīq*” karangan al-Qādī al-Nāblusī, salah seorang mufti ‘Uthmāniyyah di kurun ke-20 Masehi pula secara khusus memperbincangkan persoalan *talfīq* dari sudut yang berbeza. Beliau lebih membawa perbincangan tentang haramnya melakukan *talfīq* dan membawa hujah-hujahnya, walaupun tidak secara intensif seperti al-Bānī, namun cukup untuk dijadikan hujah untuk melarang perbuatan *talfīq*.

Di peringkat mutakhir ini pula, *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* telah mengadakan persidangan yang khas untuk memperbincangkan persoalan *talfīq* dan juga *tatabbu' rukhaṣ* pada 21 – 27 Jun 1993M bersamaan dengan 1 – 7 Muharram 1414H di Bandar Seri Begawan. Ulama-ulama kontemporari yang ternama banyak yang terlibat dalam membentangkan kertas kerja mereka. Perbincangan mereka lebih intensif dan juga menyeluruh tentang *talfīq* telah diabadikan dalam kitab *Majallah Majma' al-Fiqhī al-Islāmī*. Kitab tersebut merupakan rujukan utama dalam penulisan disertasi ini.

Kitab “*Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*” karangan Dr. Wahbah al-Zuhailī pula adalah kitab usul fiqh moden yang membincangkan persoalan *talfīq* secara panjang lebar berbanding dengan kitab-kitab *uṣūl al-fiqh* moden yang lain. Kebanyakan perbincangan yang dibawanya merupakan perbincangan yang dibentangkannya sewaktu persidangan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*.

b) Kajian mengenai *bay' murabahah li al-āmir bi al-syirā'*

Dalam membicarakan persoalan *bay' al-murābahah li al-āmir bi al-syirā'*, penulis telah menjadikan buku karangan Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī yang bertajuk *bay' al-murābahah li al-āmir bi al-syirā'* sebagai rujukan utama. Hasil persidangan *Majma' Fiqhiyyah* yang ke- 9 pada tahun 1988M / 1409H yang telah dirakamkan dalam *Majallah Majma' Fiqhiyyah* bilangan ke-5, juga menjadi rujukan dalam membicarakan :

tajuk tersebut. Dalam mencari pandangan yang kontradik pula, buku Dr. 'Umar Sulaymān al-Asyqar di bawah tajuk yang sama dan juga disertasi 'Abd al-Razzāq al-Sa'dī Al-Hītī juga menjadi rujukan bagi setiap pengkaji isu *bay' al-murābahah li al-āmir bi al-syirā'*.